



KOPI PAHIT

Di dalam keadaan dukacita dan kesusahan yang terjadi dengan adanya perintah berkurang di ibu kota, Petaling Jaya dan di lain-lain tempat ada pula satu berita yang menggembirakan perasaan, iaitu dengan kesanggupan Tun Dr. Ismail kembali memegang jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri. Langkah beliau itu seperti sirih pulang ke gagang, pinang pulang ke tampuk, janggut pulang ke dagu, belut pulang ke lumpur. Kita mengangkat tangan mengucapkan tahniah kepada beliau kerana kita tahu bahawa beliau adalah seorang pemimpin bersifat tegas dan berani serta bersungguh-sungguh menjalankan tugas dengan tidak memandang bulu. Sedikit bercakap banyak bekerja – Tuan doktor!

* * *

Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin negara yang telah dilantik menjadi ketua gerakan kebangsaan di dalam masa darurat ini. Ertinya beliau berkuasa membuat peraturan-peraturan dan mengatur kerja-kerja yang difikirkan patut dan berfaedah bagi rakyat negeri ini dengan tidak payah mendapat persetujuan dari *Parliament*. Beliau bercita-cita menubuhkan tiga batalion regimen baru! Ini patut disebut dan disyukuri, kerana terasa benar sungguhpun kita sudah dapat mengawal keamanan, tetapi tambahan patut dibuat. Kerana itu sikap tegas patut sekali dijalankan dalam saat negara menghadapi darurat – kan ini untuk kebaikan dan keselamatan seluruh rakyat dan negara!?

Di Turki suatu pasukan yang terkenal dengan nama ((Free Missionary)) yang dibina di Eropah sebagai satu pasukan keamanan yang berdasarkan persaudaraan telah diharamkan, kerana didapati pertubuhan itu ialah alat perisik rahsia. Di Soviet Rusia pertubuhan itu menggunakan Roman Katolik dan kerana itu Roman Katolik diharamkan, sedang di Pakistan kerajaan Pakistan sedang didesak supaya mengharamkan golongan-golongan ini, sebab di dalamnya ada pula membawa unsur-unsur Yahudi yang sangat dibenci dan cuba berusaha hendak meruntuhkan Islam dari dalam. Bagaimana kita di tanah Melayu – adakah yang demikian ini menjadi perhatian?

* * *

Pemimpin-pemimpin kita dan orang-orang yang terkemuka di dalam masyarakat Islam selalu di dalam perayaan-perayaan yang berunsur Islam mengatakan: ((Hendaklah kita patuh dan taat mengikuti ajaran agama Islam supaya selamat hidup kita)). Satu ajaran Islam yang dilanggar terang-terang oleh masyarakat Islam, oleh wanita-wanitanya, kebanyakannya di dalam majlis syarahan-syarahannya, peraduan Qur'annya atau berzanjinya, sama ada di hadapan umum atau di televisyen, tidak berpakaian sebagai yang dikehendaki oleh agama dan melanggar tegahan agama – iaitu membuka aurat yang disuruh oleh agama di dalam firman Allah yang maksudnya: ((Janganlah mereka (perempuan) itu menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang lahir sahaja, dan hendaklah mereka hulurkan tudung mereka di atas dada mereka)). Firman-Nya lagi (maksudnya) ((Hai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anakmu dan perempuan-perempuan Islam menghulurkan tudung mereka atas (muka) mereka)). Ini perintah wajib ditaati dan hukum ini tidak *mansūkh*. Di manakah akuan kita yang taat kepada hukum Allah? Kita hanya bertanya.